

## LAPORAN BERKELAH DI AIR TERJUN SERAPI

Pada 4 Mac 2012 pelajar-pelajar DAD2-S1, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kuching bersama dua orang pensyarah pengiring iaitu Cik Hanis Rasyidah bt. Abdullah dan Cik Intan Liyana bt. Ramli telah mengadakan aktiviti berkelah di air terjun Gunung Serapi, Kubah National Park. Seramai 22 orang mahasiswa dan mahasiswi telah menyertai aktiviti ini. Aktiviti bermula pada pukul 7.30 pagi sehingga 5 petang. Tujuan aktiviti ini dijalankan ialah untuk melengkapkan topik pembelajaran dalam matapelajaran “soft skill”.

Pelajar telah berkumpul di hadapan mesin ATM pada pukul 7.30 pagi. Aktiviti dimulakan dengan pembahagian makanan pada pukul 8 pagi. Seterusnya taklimat tentang keselamatan disampaikan oleh Keyong Liau manakala bacaan doa diketuai oleh Syazani Samsun. Selepas itu, para peserta bergerak ke padang untuk melakukan aktiviti pemanasan badan yang diketuai oleh Aloyster Miki.



Perjalanan telah dimulakan dari Politeknik Kuching Sarawak ke Kubah National Park pada pukul 9 pagi. Sementara urusan pendaftaran dijalankan, peserta lain mengambil kesempatan untuk berehat sebentar sebelum memulakan pendakian ke destinasi yang hendak dituju.



Pendakian bermula pada pukul 9.45 pagi dengan berpandukan peta yang dibekalkan oleh renjer yang bertugas semasa pendaftaran. Semasa dalam perjalanan, pelajar bergerak di dalam kumpulan besar untuk memastikan keselamatan setiap peserta terjamin. Sebelum memasuki trek yang lebih mencabar, pelajar berhenti rehat sebentar untuk menghilangkan penat.



Setelah berehat selama lima minit, mereka meneruskan perjalanan memasuki trek yang telah disediakan untuk sampai ke air terjun. Semasa dalam perjalanan melalui trek tersebut, pelbagai jenis flora dan fauna yang dapat dilihat. Antaranya ialah periuk kera, pokok-pokok tinggi dan sebagainya. Perjalanan ini mengambil masa satu jam empat puluh lima minit untuk sampai ke air terjun tersebut.

Setelah tiba di destinasi yang dituju iaitu air terjun, pengarah projek telah mengambil kehadiran bagi tujuan keselamatan. Selepas itu, satu taklimat ringkas telah disampaikan oleh AJK keselamatan sebelum aktiviti bermula. Selepas mendengar taklimat ringkas tersebut, pelajar berehat sebentar sebelum memulakan aktiviti yang telah dirancang. Selepas itu, dijalankan aktiviti bermandi-manda di air terjun.



Selepas itu, pelajar-pelajar meninggalkan kawasan air terjun tersebut untuk mencari tempat berteduh berhampiran dengan pondok pendaftaran kerana hujan lebat. Ini adlah untuk tujuan keselamatan bagi semua peserta.

Semasa dalam perjalanan ke tempat berteduh, perjalanan agak mencabar kerana jalan yang dilalui agak licin. Tambahan pula, terdapat pelajar yang sukar untuk melalui trek tersebut. Walau bagaimana pun, masalah tersebut dapat diatasi dengan bantuan yang diberikan oleh peserta-peserta lain. Mereka saling bekerjasama agar tidak berlakunya sebarang kecederaan.

Setibanya di tempat yang hendak dituju, pelajar memulakan seperti permainan radio rosak dan kenali rakan anda. Permainan radio rosak mendapat sambutan hangat kerana permainan tersebut memerlukan daya ingatan dan pendengaran yang baik.

Setelah pukul 6.00 petang, semua pelajar memulakan perjalanan pulang ke Politeknik . Walaupun penat, mereka semua berpuas hati dengan aktiviti yang dijalankan sepanjang hari dan kerjasama yang diberikan oleh semua peserta.

Kesimpulannya, program yang dijalankan ini dapat mengeratkan hubungan di antara pelajar-pelajar dan juga pensyarah. Selain dari itu, program ini dapat memupuk semangat kerjasama antara peserta di samping dapat dijadikan sebagai kenangan buat semua.